

TARIKH: 5/9/23  
SURAT KHABAR: Sinar Harian.  
MUKA SURAT: 15

## Amah dipukul, tidak dibayar gaji lebih sembilan tahun

**KOTA BHARU** - Seorang pembantu rumah warga Indonesia yang membuat tuntutan saman sivil kerana mendakwa tidak dibayar gaji selama lebih sembilan tahun turut memberitahu Mahkamah Sesyen, di sini bahawa dia juga dipukul dan ditampar oleh bekas majikannya hingga cedera.

Derfi Bisilisin, 36, menyatakan perkara tersebut ketika memberi keterangan sebagai saksi utama pada perbicaraan hari pertama di hadapan Hakim Mohd Zul Zakiqudin Zulkifli.

Dia yang juga plaintif dalam kes itu berkata, bekas majikannya iaitu sepasang suami isteri dari daerah ini yang dinamakan sebagai defendan sering kali memukulnya di beberapa bahagian badan.



Derfi (dua dari kiri) ketika hadir di Mahkamah Sesyen Kota Bharu, Kelantan, pada Isnin.

“Saya dipukul dan ditampar oleh majikan, isteri serta ibunya semasa berkhidmat dengan keluarga ini.

“Mereka memukul saya dengan menggunakan tali pinggang, penyangkut baju, topi keledar dan kerusi kayu

sehingga berdarah serta lebam,” katanya ketika memberi keterangan dalam kandang saksi di sini, pada Isnin.

Pada November 2021, Kedutaan Besar Republik Indonesia (KBRI) di Kuala Lumpur melantik peguam

bagi mewakili plaintif untuk melakukan dua tuntutan iaitu gaji sebagai pembantu rumah berjumlah RM93,000 dan gaji sebagai pembantu kedai aksesori kereta sejumlah RM109,000.

Derfi yang berasal dari Kupang, Nusa Tenggara Timur itu berkata, selain diminta melakukan kerja pembantu rumah seperti membasuh pinggan dan memasak, dia juga disuruh oleh majikannya untuk bekerja di kedai aksesori kenderaan sepanjang waktu siang walaupun perkara itu tidak termaktub dalam perjanjian kontrak pekerjaannya.

Menurut Derfi, dia juga diberi makan hanya sehari sekali selain tidak dibayar gaji sepanjang tempoh perkhidmatan bermula 23 Julai 2011 sehingga melarikan diri pada 29 Oktober 2020.

Sinar Harian  
Pg 15 5/9/23